

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(B)72

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

72. Apakah peranan MAINPP dalam pemilihan Ahli Jemaah Pengurusan Sekolah-sekolah Islam Pulau Pinang?
- (a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan proses pemilihan Ahli Jemaah Pengurusan Sekolah-sekolah Islam Pulau Pinang dilaksanakan secara telus dan bebas daripada campur tangan yang tidak wajar?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

72. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) mempunyai peranan dalam pemilihan Ahli Jemaah Pengurusan Sekolah-sekolah Islam Pulau Pinang. Hal ini kerana menurut perkara 5(1) Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam Pulau Pinang 1989 menyatakan bahawa suatu Sekolah Islam didaftarkan di bawah Enakmen ini hendaklah menubuhkan suatu Jemaah Pengurusan untuk sekolah itu. Selain itu, Kaedah ke-3 dalam Kaedah-kaedah Pengawalan Sekolah-sekolah Agama Islam Pulau Pinang 2001 juga menyatakan suatu permohonan untuk mendaftar Sekolah Islam dan suratcara Jemaah

Sekolah yang dicadangkan hendaklah dibuat kepada Pendaftar iaitu Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Perkara 3 Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam Pulau Pinang 1989 turut menyatakan bahawa lantikan pendaftar oleh MAINPP adalah dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong. Manakala, Perkara 4 (2) Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam Pulau Pinang 1989 menyatakan bahawa Pendaftar hendaklah pada setiap masa sentiasa memberitahu Majlis tentang hal ehwal semua Sekolah Islam dalam negeri.

Oleh hal demikian, berdasarkan enakmen-enakmen yang berkaitan jelas menunjukkan bahawa MAINPP mempunyai bidang kuasa dalam urusan pelantikan Jemaah Pengurusan Sekolah Islam di Pulau Pinang. Hal ini bertujuan untuk memastikan setiap anggota Jemaah Pengurusan Sekolah Islam yang dilantik adalah orang yang berkelayakan bagi menerajui Sekolah Islam di Pulau Pinang.

- (a) Menjawab persoalan Ahli Yang Berhormat berkaitan kaedah dalam memastikan proses pemilihan Ahli Jemaah Pengurusan Sekolah-sekolah Islam Pulau Pinang dilaksanakan secara telus dan bebas daripada campur tangan yang tidak wajar,

Kerajaan Negeri melalui MAINPP telah melaksanakan beberapa langkah seperti berikut:

- (i) Mendapatkan maklumbalas mengenai pengurusan dan pentadbiran dari ahli Jemaah Pengurusan yang sedia ada;
- (ii) Mengadakan sesi libat urus bersama semua Setiausaha Jemaah Pengurusan Sekolah Islam Pulau Pinang yang terdiri daripada Ketua Guru/Guru Besar/Pengetua atau Mudir;
- (iii) Melaksanakan lawatan turun padang ke semua Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) berjumlah 12 buah sekolah di Pulau Pinang secara bersemuka bersama Setiausaha dan Jemaah Pengurusan Sekolah;
- (iv) Melaksanakan sesi libat urus bersama kepimpinan setempat dalam pemilihan Jemaah Pengurusan Sekolah Islam Pulau Pinang;

- (v) Mengusulkan sebarang isu yang berkaitan hukum ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang bagi mendapatkan pandangan;
- (vi) Membentangkan semua senarai cadangan nama ahli Jemaah Pengurusan Sekolah Islam Pulau Pinang ke dalam Mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) untuk mendapatkan kelulusan; dan
- (vii) Setelah mendapat kelulusan mesyuarat pendaftar Sekolah Islam Pulau Pinang akan mengeluarkan Perakuan Pendaftaran Suratcara Jemaah Pengurusan Sekolah Islam kepada pihak sekolah yang terlibat.